



**PERATURAN TETAP
DEWAN PERWAKILAN
MAHASISWA UTHM
SESI 2023/2024**

Disediakan oleh :

**MAJLIS PELAKSANA DEWAN PERWAKILAN
MAHASISWA UTHM EDISI KEEMPAT**

PERATURAN TETAP DEWAN PERWAKILAN MAHASISWA UTHM

ISI KANDUNGAN

Urusan Persidangan

	Muka Surat
BAB 1 : Pengenalan	
1. Tujuan	3
2. Persidangan Direkodkan	3
3. Majlis Tertinggi Dewan	3
4. Bentara Dewan	3
5. Ahli Dewan	3
6. Penguatkuasaan	4
7. Bacaan	4
8. Pindaan	4
9. Borang Akuan	4
10. Tugas-Tugas Yang di-Pertua Dewan	4
11. Tugas-Tugas Setiausaha Dewan	4
12. Penyata-Penyata Rasmi Persidangan	5
BAB 2 : Persidangan Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM	
13. Aturan Urusan Persidangan	6
BAB 3 : Peraturan-Peraturan Perbahasan	
14. Cara Membahas Usul	6
15. Kandungan Perbahasan	6
16. Cara Membuat Pencelahan	6
17. Kandungan Pencelahan	7
18. Tindakan Jika Menyalahi Kandungan Pencelahan	7
19. Gangguan Semasa Berbahas	7
20. Adab-Adab Ahli Dewan Semasa Persidangan	8
21. Adab Semasa Yang di-Pertua Dewan Bercakap	8
22. Kaedah Mengundi	8
23. Keputusan Yang Dipertua Dewan	9
24. Keputusan Dewan	9
BAB 4 : Sidang Khas	
25. Tujuan	10
26. Kaedah	10
27. Keputusan	10
28. Tempoh Sidang Khas	10
Bab 5 : Etika Pemakaian Ketika Persidangan	
29. Kod Pemakaian	10

PERATURAN TETAP DEWAN PERWAKILAN MAHASISWA UTHM

BAB 1: PENGENALAN

1) Tujuan

Peraturan Tetap Persidangan Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM disediakan bertujuan untuk memastikan persidangan berjalan lancar, teratur dan mencapai matlamat utama.

2) Persidangan Direkodkan

Perjalanan persidangan akan direkodkan secara bertulis oleh Majlis Pelaksana Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM.

3) Majlis Tertinggi Dewan

3.1. Majlis Tertinggi Dewan terdiri daripada:

- 3.1.1 Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan.
- 3.1.2 Timbalan Yang di-Pertua Dewan/Timbalan Speaker Dewan
- 3.1.3 Setiausaha Dewan
- 3.1.4 Timbalan Setiausaha Dewan

3.2. Panggilan rasmi kepada Yang di-Pertua Dewan adalah “Tuan Yang di-Pertua” atau “Speaker Dewan” adalah dibenarkan.

4) Bentara Dewan

- 4.1. Bentara Dewan bertugas untuk menjaga keamanan Dewan agar tidak berlaku kekacauan, pergaduhan atau apa-apa yang tidak diinginkan berlaku di dalam Dewan Persidangan.
- 4.2. Bentara Dewan akan mengikut segala arahan yang diberikan oleh Yang di-Pertua Dewan.

5) Ahli Dewan

5.1. Ahli Dewan Tetap adalah Majlis Perwakilan Pelajar UTHM.

5.2. Ahli Dewan Biasa adalah terdiri daripada:

- 5.2.1 Satu (1) orang Pengerusi Majlis Kepimpinan Pelajar setiap Kolej Kediaman dan setiap Kelab Fakulti.
- 5.2.2 Satu (1) orang Pengerusi setiap Kelab, Persatuan, Sekretariat Pelajar yang berdaftar di Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP).
- 5.2.3 Satu (1) orang Pengerusi daripada setiap pengurus sukan yang berdaftar di Pusat Sukan Universiti (PSU).
- 5.2.4 Satu (1) orang Pengerusi daripada setiap Badan Beruniform yang berdaftar di Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum (PPUK).
- 5.2.5 Sepuluh (10) mahasiswa terbuka.

5.3 Namun, bagi individu yang tertera dalam perkara 5.2.1-5.2.5 akan diberi kebenaran untuk memilih mana-mana Majlis Tertinggi dalam organisasi tersebut apabila ia menjalani Latihan Industri, Tangguh Semester dan Mobiliti (sekurang-kurangnya 1 semester).

6) Penguatkuasaan

Peraturan Tetap Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM ini akan berkuatkuasa dan terpakai bagi setiap persidangan yang dijalankan.

7) Bacaan

Peraturan Tetap Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM perlulah dibaca dengan Tatacara bagi setiap Persidangan.

8) Pindaan

Segala pindaan adalah tertakluk kepada Majlis Pelaksana Dewan Perwakilan Mahasiswa.

9) Borang Akuan

Borang Akuan hendaklah diisi dan menurunkan tandatangan bagi setiap Ahli Dewan pada lokasi dan masa yang ditetapkan oleh Majlis Pelaksana Dewan Perwakilan Mahasiswa. Borang tersebut akan disimpan oleh Setiausaha Dewan.

10) Tugas-Tugas Yang di-Pertua Dewan

10.1 Yang di-Pertua Dewan tetaplah ditugaskan menjadi Pengerusi bagi Persidangan Dewan Perwakilan Mahasiswa (DPM) UTHM dan jika ia tidak hadir maka Timbalan Yang di-Pertua Dewan hendaklah mengetuai Persidangan DPM sebagai pengerusi.

10.2 Yang di-Pertua Dewan hendaklah menjaga dan memastikan keamanan Persidangan.

10.3 Yang di-Pertua Dewan berhak untuk memanggil dan menangguhkan Persidangan.

11) Tugas-Tugas Setiausaha Dewan

11.1 Setiausaha Dewan hendaklah menyediakan segala surat yang diperlukan untuk Persidangan dan Yang di-Pertua Dewan serta melaksanakan segala arahan Yang di-Pertua berhubungan dengan segala perkara berkaitan dengan urusan Persidangan DPM.

11.2 Setiausaha hendaklah;

11.2.1 Menulis dan memaklumkan tarikh-tarikh Persidangan DPM bagi penggal tersebut kepada ahli-ahli dewan.

11.2.2 Menyediakan satu salinan aturan urusan persidangan untuk setiap Ahli Dewan dengan segera sebelum setiap persidangan dijalankan.

11.3 Dalam perjalanan Persidangan DPM hendaklah direkodkan nama Ahli Dewan yang hadir dan semua ketetapan-ketetapan Dewan Perwakilan Mahasiswa.

11.4 Setiausaha Dewan bertanggungjawab untuk menyimpan borang undian yang dijalankan semasa Persidangan DPM, rekod-rekod, Peraturan, Tatacara dan lain-lain surat yang telah

dibentangkan sewaktu Dewan Persidangan dan ini hendaklah terbuka boleh dilihat oleh Ahli Dewan mengikut apa-apa aturan yang dibenarkan oleh Yang di-Pertua Dewan.

12) Penyata - Penyata Rasmi Persidangan

- 12.1 Sebuah buku penyata rasmi Persidangan mengandungi semua ucapan-ucapan yang dikeluarkan dalam Persidangan DPM.
- 12.2 Buku ini hendaklah dikeluarkan menurut apa-apa cara yang diperintahkan oleh Yang di-Pertua Dewan, dan satu salinan buku ini hendaklah dihantar kepada setiap Ahli Dewan dengan segera setelah tamat mesyuarat.

BAB 2: PERSIDANGAN DEWAN PERWAKILAN MAHASISWA UTHM

13) Aturan Urusan Persidangan

Aturan Urusan Persidangan adalah bergantung kepada Tatacara Persidangan tersebut.

BAB 3: PERATURAN- PERATURAN PERBAHASAN

14) Cara Membahas Usul

- 14.1 Seseorang Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM yang hendak membahaskan usul perlu menunggu sehingga namanya dipanggil oleh Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan. Seseorang Ahli Dewan tidak boleh bercakap selagi namanya belum dipanggil oleh Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan.
- 14.2 Sesuatu usul yang dibahaskan hendaklah mempunyai hujahan, sebab, bukti atau justifikasi yang kukuh beserta cadangan terhadap sesuatu usul.
- 14.3 Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM yang lain tidak berhak untuk bercakap semasa seseorang Ahli Dewan sedang membahaskan usul, kecuali untuk membuat celahan dan diizinkan oleh Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan.
- 14.4 Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan berhak memberhentikan sesuatu perbahasan usul apabila masa yang telah ditetapkan tamat.

15) Kandungan Perbahasan

- 15.1 Seseorang Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM dilarang mengeluarkan perkataan yang mengandungi unsur perkauman, kurang sopan, menghina negara, menghina universiti, pemimpin negara atau pemimpin universiti dalam ucapan masing-masing. Ahli Dewan dilarang memburuk-burukkan nama Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM yang lain atau institusi pendidikan tinggi yang lain.
- 15.2 Perbahasan tidak boleh menyentuh perkara-perkara berikut:
 - 15.2.1 Sesuatu perbahasan tidak boleh berkaitan dengan apa-apa perkara yang diklasifikasikan sebagai sulit dan rahsia.
 - 15.2.2 Perkara yang boleh disifatkan mempunyai unsur tuduhan atau prasangka terhadap mana-mana pihak lain.
- 15.3 Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan berhak untuk tidak membenarkan mana-mana Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM meneruskan perbahasan usul jika perbahasan tersebut tidak sama dengan tajuk isi perbahasan yang diberikan kepada Setiausaha Dewan.

16) Cara Membuat Pencelahan

- 16.1 Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM yang ingin mengemukakan pencelahan, perlulah mendapat kebenaran daripada pembahas dengan keizinan Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan.

- 16.2 Pencelahan hendaklah bertujuan untuk berhujah, berbahas atau bertanyakan soalan mengenai usul-usul yang telah dibentangkan oleh mana-mana Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM.
- 16.3 Pencelahan boleh ditujukan kepada Ahli Dewan yang membahaskan tentang usul dan tidak boleh melebihi skop tersebut.
- 16.4 Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM yang membuat pencelahan sewaktu perbahasan perlulah menyebut dengan ringkas dan tepat akan maksud pencelahan itu dan tidak mengambil masa terlalu lama.
- 16.5 Semua Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM bebas mengemukakan pencelahan.

17) Kandungan Pencelahan

- 17.1 Ayat yang digunakan hendaklah ringkas dan tepat tanpa menyatakan nama mana-mana individu.
- 17.2 Setiap Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM bertanggungjawab untuk memastikan kesahihan penyata yang dikeluarkan.
- 17.3 Sesuatu pencelahan hendaklah berbentuk soalan atau cadangan tanpa mengandungi apa-apa sangkaan, fikiran, tohmahan, pujian, sindiran atau mengandungi kalimah-kalimah mengelirukan atau menyakitkan hati atau mengenai apa-apa perkara sensitif atau meminta penerangan mengenai perkara-perkara remeh sehingga menjejaskan nama baik universiti.
- 17.4 Sesuatu pencelahan tidak boleh dengan tujuan untuk mendapatkan keterangan berkenaan dengan apa-apa perkara yang diklasifikasikan sebagai sulit dan rahsia.
- 17.5 Sesuatu pencelahan perlu mempunyai fakta yang lengkap mengenai usul yang dibahaskan.
- 17.6 Sesuatu pencelahan tidak boleh menyentuh peribadi mana-mana individu kecuali hal-hal yang berkaitan dengan perkhidmatannya terhadap universiti.
- 17.7 Sesuatu pencelahan tidak boleh bersifat tuduhan atau membayangkan tuduhan terhadap sifat diri seseorang.
- 17.8 Sesuatu pencelahan tidak boleh dikemukakan berkenaan dengan perkara yang terlalu umum dan tiada hala tuju.

18) Tindakan Jika Menyalahi Kandungan Pencelahan

- 18.1 Jika sesuatu pencelahan yang ada pada pertimbangan Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan menyalahi peraturan atau telah dikeluarkan dengan sengaja menghalang atau merosakkan aturan perjalanan Persidangan atau membangkitkan perasaan sakit hati atau bermusuhan antara mahasiswa atau antara kaum dalam universiti maka Yang di-Pertua Dewan boleh mengeluarkan perintah mengarahkan Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM tersebut meninggalkan Persidangan.

19) Gangguan Semasa Berbahas

- 19.1 Seseorang Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM tidak boleh mengganggu Ahli Dewan lain yang sedang berbahas kecuali:

- 19.1.1 Jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan aturan Persidangan. Ketika itu, Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM yang sedang berbahas hendaklah memastikan ucapan dan Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM yang mencelah itu hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak dinyatakan dan diserahkan kepada Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan untuk memutuskannya.
- 19.1.2 Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM yang hendak membuat pencelahan mengenai apa-apa perkara yang dinyatakan oleh Ahli Dewan yang sedang berbahas.
- 19.2 Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan berhak untuk tidak membenarkan mana-mana Ahli Dewan membuat pencelahan sekiranya didapati bahawa Persidangan tidak mempunyai masa yang secukupnya atau jika Yang di-Pertua Dewan mempercayai bahawa niat Ahli Dewan yang ingin membuat pencelahan adalah semata-mata untuk memprovokasi Ahli Dewan yang sedang bercakap.

20) Adab-Adab Ahli Dewan Semasa Persidangan

- 20.1 Yang di-Pertua/Speaker Dewan hendaklah masuk ke dewan melalui bahagian kiri dewan.
- 20.2 Ahli Dewan perlulah masuk ke dewan melalui bahagian kanan dewan.
- 20.3 Ahli Dewan hendaklah berdiri Ketika Yang di-Pertua/Speaker Dewan masuk ke dewan.
- 20.4 Ahli Dewan tidak dibenarkan untuk masuk atau keluar sebelum sidang bermula atau ditangguhkan semasa Yang di-Pertua/Speaker Dewan berada dalam dewan.
- 20.5 Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM hendaklah masuk atau keluar dari dewan dengan tertib.
- 20.6 Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM hendaklah menjaga tatakelakuan sepanjang sesi Persidangan berlaku.
- 20.7 Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM yang hadir secara fizikal tidak boleh melintas ruangan di bahagian tengah Dewan Persidangan tanpa izin Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan atau tanpa alasan yang munasabah.
- 20.8 Tidak dibenarkan merokok atau menghisap rokok elektronik di dalam Dewan Persidangan.
- 20.9 Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM hendaklah berada dalam keadaan senyap dan tidak mengganggu Ahli Dewan lain yang sedang berbahas.

21) Adab Semasa Yang di-Pertua Dewan Bercakap

Apabila Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM ditegur oleh Yang di-Pertua Dewan berkenaan dengan Peraturan Persidangan atau apabila Yang di-Pertua Dewan mencelah semasa perbahasan berjalan, maka mana-mana Ahli Dewan yang sedang bercakap atau hendak bercakap, hendaklah duduk dan berada dalam keadaan senyap.

22) Kaedah Mengundi

- 22.1 Kaedah mengundi dibahagikan kepada dua (2) kaedah, iaitu:
 - 22.1.1 Undi secara belahbahagian
 - 22.1.2 Undi secara suara

- 22.2 Kaedah mengundi akan ditentukan pada setiap Tatacara Persidangan.
- 22.3 Undi secara belahbahagian akan dimulakan apabila mana-mana Ahli Dewan meminta diadakan belahbahagian setelah undi secara suara selesai, maka Yang di-Pertua hendaklah meminta Ahli-Ahli Dewan yang hendak belahbahagian itu bangun di tempat masing-masing. Yang di-Pertua Dewan perlulah memerintah diadakan belahbahagian apabila sekurang-kurangnya 10 orang Ahli Dewan berdiri.
- 22.4 Apabila diperintahkan belahbahagian, Bentara Dewan hendaklah beri Kertas Undi kepada setiap Ahli Dewan. Ahli Dewan hendaklah menjalankan undian di atas kertas undian tersebut.
- 22.5 Yang di-Pertua Dewan hendaklah menyebutkan bilangan yang bersetuju dan bilangan yang tidak bersetuju dan setelah itu hendaklah dimasyhurnya.

23) Keputusan Yang di-Pertua Dewan

- 23.1 Keputusan Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan adalah muktamad sepanjang Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM.
- 23.2 Yang di-Pertua Dewan boleh memerintahkan Ahli Dewan yang tidak mengendahkan teguran Yang di-Pertua Dewan atau berulang-ulang menyebut hujahnya atau hujah Ahli Dewan lain atau berkeras meneruskan perbahasan yang ada pada pandangan Yang di-Pertua Dewan tidak berkaitan dengan usul yang dibahaskan untuk berhenti bercakap.
- 23.3 Yang di-Pertua Dewan hendaklah memerintahkan mana-mana Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM yang berkelakuan tidak sopan atau melakukan perbuatan yang menghina Persidangan atau tidak mengendahkan kuasa Yang di-Pertua Dewan untuk keluar dari Dewan Persidangan sekiranya perkara tersebut berulang melebihi dua (2) kali.
- 23.4 Jika Yang di-Pertua Dewan/Speaker Dewan mendapati bahawa kuasa perkara 21 tidak mencukupi, Yang di-Pertua Dewan boleh memulakan prosedur untuk menggantung Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM tersebut pada sesi seterusnya dengan menyebut nama Ahli Dewan tersebut seperti berikut:

“Saya dengan ini menamakan Ahli Dewan dengan memutuskan akan digantung pada sesi seterusnya sebanyak satu sesi.”

24) Keputusan Dewan

- 24.1 Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM hendaklah mengisi Borang Persetujuan Usul yang akan diedarkan secara atas talian selepas tamat setiap sesi Persidangan.
- 24.2 Keputusan Dewan hendaklah mencapai majoriti Ahli Dewan Perwakilan Mahasiswa UTHM melalui undian.
- 24.3 Undian bagi Ahli Dewan yang tidak hadir pada sesi Persidangan tidak akan dikira sebagai Keputusan Dewan.
- 24.4 Keputusan Dewan akan dibawa ke pihak Pengurusan Universiti jika perlu.
- 24.5 Setiap Keputusan Dewan adalah muktamad dan tidak boleh dibantah.

BAB 4: SIDANG KHAS

25) Tujuan

- 25.1. Hendaklah ada sebuah Sidang Khas yang dijalankan apabila mana-mana Ahli Dewan ingin mengusulkan sesuatu perkara.
- 25.2. Semua Ahli Dewan adalah ahli Sidang Khas.
- 25.3. Cukup bilangan Sidang Khas hendaklah terdiri daripada 30 Ahli Dewan.

26) Kaedah

Mana-mana Ahli Dewan perlulah mengemukakan surat kepada Yang di-Pertua Dewan beserta justifikasi keperluan Sidang Khas tersebut.

27) Keputusan

Yang di-Pertua Dewan berhak untuk membenarkan, tidak membenarkan atau akan diusulkan pada sidang akan datang. Yang di-Pertua Dewan hendaklah memutuskan keperluan Sidang Khas berdasarkan dari kebijaksanaan dan keperluan.

28) Tempoh Sidang Khas

Sidang Khas hanya boleh bermesyuarat antara tempoh Sidang I dan Sidang II sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertua Dewan.

BAB 5: ETIKA PEMAKAIAN KETIKA PERSIDANGAN

29) Kod Pemakaian

29.1 Kod pemakaian yang ditetapkan dalam Persidangan secara Fizikal.

29.1.1 Kod pemakaian Ahli Dewan bagi lelaki:

- i. *Lounge suit* (gelap) dan bertali leher.
- ii. Seluar panjang berwarna gelap (*slack*).
- iii. Berkasut kulit (gelap).
- iv. Bersongkok adalah dibenarkan.
- v. Rambut hendaklah pendek, kemas dan rapi.

29.1.2 Kod pemakaian Ahli Dewan bagi perempuan:

- i. Baju kurung (tanpa bersarung jaket) atau kebaya labuh atau *blouse* berlengan panjang atau *lounge suit* wanita.
- ii. Skirt panjang di bawah paras lutut.
- iii. Tudung berwarna hitam.
- iv. Seluar panjang (*slack*).
- v. Berkasut hitam (*court shoes*).

29.2 Kod pemakaian yang ditetapkan dalam persidangan secara dalam talian

29.2.1 Kod pemakaian ahli dewan bagi lelaki dan perempuan:

- i. *Smart casual.*
- ii. *Blazer* (pilihan)..